

18 OCT 2001

MIA-MIT

MIA DAN MIT MENYEDIAKAN TALIAN BELANJAWAN 2002

KUALA LUMPUR, Okt 18 (Bernama) -- Institut Akauntan Malaysia (MIA) dengan kerjasama Institut Pencukaian Malaysia (MIT) akan menyediakan perkhidmatan penasihat melalui talian terus secara percuma kepada orang ramai pada Sabtu ini, mulai pukul 9 pagi hingga 12.45 tengahari.

MIA dan MIT berkata talian itu diadakan sempena pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Nombor talian itu ialah 03-227 45055, kata MIA dan MIT dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Talian terus itu akan bertindak bukan sahaja sebagai alat komunikasi untuk pengamal cukai dan akauntan tetapi juga kepada orang ramai bagi mendapatkan penjelasan berhubung Belanjawan 2002.

Satu panel yang terdiri daripada perunding cukai dari firma perakaunan dan pencukaian telah ditugaskan untuk mengendalikan talian terus itu. --

BERNAMA

CL FR ZMN NHD